



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

BIL 19/2011

Semua
Dekan Fakulti/ Rektor Kampus/ Ketua-Ketua Bahagian
Universiti Teknologi MARA



Mohd. Yusoff
23/12/11

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT DARI JAWATAN PENSYARAH MUDA GRED 41 KE JAWATAN PENSYARAH GRED 46 DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) 2011

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa garis panduan bagi urusan kenaikan pangkat Pensyarah Muda Gred 41 ke jawatan Pensyarah Gred 46 di UiTM 2011 telah diteliti semula dan cadangan kriteria, syarat dan peraturan baru telah dikemukakan untuk pertimbangan Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Sehubungan itu, mesyuarat LPU ke 121 pada 21 Oktober 2011 telah meluluskan garis panduan baru ini mulai 21 Oktober 2011.
3. Dengan kelulusan tersebut, garis panduan berkaitan urusan kenaikan pangkat ke Gred 46 yang telah diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke 117 pada 18 April 2011 adalah dibatalkan.
4. Bersama-sama ini dikemukakan maklumat sebagai panduan dan rujukan bagi proses kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Gred 46;

Lampiran 1 : Syarat, Kriteria dan Peraturan Kenaikan Pangkat Pensyarah Muda Gred 41 ke Jawatan Pensyarah Gred 46


Lampiran 2 : Borang Perakuan Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan Bagi Bagi Permohonan Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Gred 46

5. Garis panduan ini tidak melibatkan pensyarah-pensyarah dari Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi, sekiranya mereka memilih untuk kenaikan pangkat berdasarkan laluan kerjaya yang dipanjangkan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

6. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan amat diharapkan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pensyarah di bawah seliaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



PROFESSOR DR AZNI ZAIN AHMED

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k :
- i) Naib Canselor UiTM
 - ii) Pendaftar UiTM
 - iii) Profesor Dr Fauziah Noordin
Pengerusi
Projek *New Promotion Criteria*

...dilampirkan

Surat Kami : 500-BPD (BPPPK 10/1) Jld.10
Tarikh : 23 DEC 2011

**SYARAT, KRITERIA DAN PERATURAN KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH MUDA
GRED 41 KE JAWATAN PENSYARAH GRED 46**

(1) SYARAT SKIM

Pensyarah UiTM Gred DM41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM46 apabila telah:-

- (a) Disahkan dalam perkhimatan;
- (b) Kelayakan untuk lantikan ke Gred 46
 - (i) Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; **atau**
 - (iii) Ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (c) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **bermutu tinggi** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
- (d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.

(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2010: Perubahan Perbekalan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM, berkuatkuasa mulai 01 September 2010)

(2) KRITERIA DAN PERATURAN

- 2.1 Selain dari wajib memenuhi syarat kenaikan berdasarkan skim perkhidmatan pensyarah, Pensyarah Muda UiTM Gred 41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred 46, apabila telah;
- (a) Membuat Aku Janji
 - (b) Telah mengisytiharkan harta
 - (c) Bebas dari tindakan tatatertib
 - (d) Mencapai markah Laporan Nilai Tahunan (LNPT) **minima 80% bagi tiga (3) tahun berturut-turut** (calon yang cuti belajar memenuhi markah Laporan Nilai Tahunan (LNPT) **minima 50% bagi tiga (3) tahun berturut-turut**).
 - (e) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan
- 2.2 Berdasarkan syarat-syarat di atas, calon-calon **tidak perlu** melalui proses penilaian berdasarkan prinsip-prinsip umum kenaikan pangkat bagi staf akademik.
- 2.3 Berasaskan kelonggaran yang diberikan ini, bahan-bahan / hasil akademik dan lain-lain maklumat bagi tujuan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52 (atau Gred lebih tinggi) adalah **dinilai** berdasarkan bahan-bahan/hasil akademik dan lain-lain maklumat mulai **di jawatan semasa**, iaitu di Gred 46, agar calon-calon terlibat dapat terus memberikan hasil / sumbangan atau melibatkan diri demi pembangunan organisasi.
- 2.4 Permohonan kenaikan pangkat boleh dikemukakan oleh Dekan Fakulti / Rektor Kampus ke urus setia kenaikan pangkat Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya (BPPPK) apabila calon-calon terlibat didapati layak dan telah memenuhi syarat-syarat / kriteria sepertimana ditetapkan.



PERMOHONAN JAWATAN NAIK PANGKAT
PENSYARAH MUDA GRED 41 KE JAWATAN PENSYARAH GRED 46 UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA (UiTM)

A. KETERANGAN DIRI		
1.	Nombor Pekerja : <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> No. K/P <input type="text"/>	
2.	Nama Penuh (<i>Seperti dalam K/Pengenalan</i>) : <input type="text"/>	
3.	Jawatan Sekarang : <input type="text"/>	
	Jabatan Sekarang : <input type="text"/>	
4.	Alamat Surat Menyurat : <input type="text"/>	
5.	No. Telefon (Pejabat/Rumah/HP) : <input type="text"/> E-mel : <input type="text"/>	
B. SYARAT KELAYAKAN ASAS		
6.	TARIKH LULUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) : Tahap : <input type="text"/> Tarikh : <input type="text"/> <i>(Sertakan sekali salinan Keputusan PTK yang telah disahkan)</i>	
C. SYARAT SKIM KENAIKAN PANGKAT		
7.	Tindakan (Sila Tandakan <input checked="" type="checkbox"/> Pada Petak Yang Berkaitan)	
1	Disahkan dalam perkhidmatan	<input type="checkbox"/>
2	Membuat Aku Janji (SAJ)	<input type="checkbox"/>
3	Mencapai 80% markah minima perkhidmatan tiga (3) tahun berturut-turut (Calon yang cuti belajar markah minima ialah 50%)	<input type="checkbox"/>
4	Telah mengisytiharkan harta	<input type="checkbox"/>
5	Bebas dari tindakan tatatertib	<input type="checkbox"/>

D. KELULUSAN AKADEMIK			
8. Kelulusan B. Malaysia (SPM/MCE):	<input type="text"/> Tahun : <input type="text"/>		
Sarjana/Ph.D/Profesional	Bidang Pengkhususan	Nama Institusi	Tarikh (HH/BB/THN)
Nota:			
Calon perlulah mengemukakan sekali salinan surat perakuan Senat Universiti sebagai bukti telah tamat Sarjana/ Ph.D dan sijil berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia (sekiranya berkaitan).			
E. PENGAKUAN PEMOHON			
9.	<p>Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar dan betul.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Tarikh :</p>		
F. PERAKUAN DEKAN/REKTOR/KETUA JABATAN PERKHIDMATAN TERKINI (SEKIRANYA BERKAITAN)			
10.	<p>Dengan ini disahkan bahawa permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Gred 46 adalah disokong dan diperakukan oleh Dekan/Rektor/Ketua Jabatan</p> <p>Tandatangan, Nama dan Cop Jabatan :</p> <p>Tarikh :</p>		

PERINGATAN : *Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.*